

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**
www.ijepc.com



MEDIUM KOMUNIKASI GURU PENDIDIKAN ISLAM DALAM PENGAJARAN DAN PEMUDAHCARAAN TILAWAH AL- QURAN PROGRAM PENDIDIKAN KHAS INTEGRASI (KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN)

*THE MEDIUM OF COMMUNICATION ISLAMIC EDUCATION TEACHERS IN
AL-QURAN RECITATION OF INTEGRATED SPECIAL EDUCATION
PROGRAMME (HEARING DISABILITY)*

Bahariah Ab Rahman*, Azmil Hashim², Hamdi Ishak³

¹ Department of Islamic Studies, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: abrahmanbazza@yahoo.com

² Department of Islamic Studies, Universiti Pendidikan Sultan Idris
Email: azmil@fsk.upsi.edu.my

³ Research Centre for Quran and Sunnah - Faculty of Islamic Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia
Email: hamdi@ukm.ukm.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 07.12.2020

Revised date: 29.12.2020

Accepted date: 10.03.2021

Published date: 15.03.2021

To cite this document:

Ab Rahman, B., Hashim, A., & Ishak, H. (2021). Medium Komunikasi Guru Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Dan Pemudahcaraan Tilawah Al-Quran Program Pendidikan Khas Integrasi (Ketidakupayaan Pendengaran). *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (38), 110-125.

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti medium komunikasi guru pendidikan Islam dalam pengajaran dan pemudahcaraan bidang tilawah al-Quran kepada murid-murid Program Pendidikan Khas Integrasi (ketidakupayaan pendengaran) sekolah rendah. Seramai dua orang guru yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dari dua buah sekolah rendah yang melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi (ketidakupayaan pendengaran) telah dipilih sebagai peserta kajian ini. Bagi memperolehi data, pengkaji menggunakan pendekatan kajian kualitatif iaitu dengan menggunakan tiga kaedah antaranya kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Disebabkan ketidakupayaan bagi murid-murid ini untuk bertutur, maka peserta-peserta kajian mempelbagaikan bentuk komunikasi dalam pengajaran dan pemudahcaraan mereka. Hasil dapatan menunjukkan peserta kajian menggunakan pelbagai medium komunikasi dalam amalan (PdPc) tilawah al-Quran antaranya ialah BMKT, bahasa isyarat, lisan, ejaan jari, gerak badan dan tulis di papan putih. Secara keseluruhannya guru-guru menunjukkan kesungguhan dan minat yang mendalam untuk mendidik murid-murid yang mempunyai masalah pendengaran dalam pengajaran dan pemudahcaraan tilawah al-Quran. Semoga kajian ini dapat membantu guru-guru pendidikan Islam khususnya sebagai pemudahcara bagi mereka untuk berkomunikasi dengan murid-murid yang mempunyai ketikaupayaan pendengaran

DOI: 10.35631/IJEPC.6380010.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



terutamanya dalam PdPc bidang tilawah al-Quran. Selain itu juga diharap kajian ini dapat menjadi panduan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dalam pendidikan al-Quran terhadap golongan ketidaupayaan pendengaran mengajar al-Quran samada kanak-kanak, remaja dan dewasa supaya pengajaran al-Quran lebih sistematis dan berkesan.

Kata Kunci:

Ketidakupayaan Pendengaran, Komunikasi Guru, Komunikasi Murid

Abstract:

The purpose of this study is to identify effective communication medium for Islamic Studies teachers in teaching and simplifying the Quranic recitation field to Primary Integrated Special Education School students (hearing problems). There are two teachers teaching Islamic Studies subject from two different primary schools who conducted the Integrated Special Education program (hearing problems), has been chosen as participants in this study. In order to collect data, researchers use qualitative research, specifically by using three different methods: interviews, observation, and document analysis. Due to the inability of the students to speak, participants of this research use different styles of communication via various mediums of communication when conducting Quranic recitation lessons (PdPc). Some of them are BMKT, sign language, spoken language, fingerspelling, body movements, and writing on the board. Overall, teachers show deep passion and integrity in educating the students who have hearing problems in Quranic recitation lessons. It is hoped that this research will help Islamic Studies teachers especially, facilitating them in communicating with the students who have a hearing disability in the Quranic recitation field. In addition, researchers also anticipate that this research will become a guide to any party who is directly involved in teaching Quranic studies to the hearing disabled group, whether the students are children, teenagers, or adults, so that the teaching will be more systematic and effective.

Keywords:

Pupil With Special Education Needs (Hearing Disability), Teacher Communication, Student Communication

Pendahuluan

Bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat, agama Islam merupakan agama yang didasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah nabi Muhammad SAW lengkap bagi mengatur kehidupan umatnya. Allah SWT telah menurunkan wahyu sebagai risalah umat Islam kepada Rasulullah SAW untuk sebagai panduan hidup. Setiap seorang muslim yang beriman kepada Allah SWT wajib mempelajari dan menghayati kitab al-Quran di dalam kehidupan. Begitu juga dengan golongan istimewa seperti pekak, bisu dan buta, tuntutan mempelajari al-Quran ke atas mereka tidak terlepas, namun bentuk perlaksanaannya mungkin berbeza mengikut kemampuan seseorang.

Setiap kanak-kanak yang dilahirkan di dunia ini berhak untuk mendapat pendidikan dan pelajaran mengikut kebolehan, kemampuan, bakat, dan persediaan yang ada pada diri masing-masing. Sebagai umat yang mempunyai risalah dan tanggungjawab yang ditentukan oleh Allah SWT, maka Islam meletakkan tanggungjawab yang besar ke atas setiap pendidik termasuklah guru, ibu bapa atau ahli masyarakat untuk mengajar, membentuk dan memberi pendidikan

Copyright © GLOBAL ACADEMIC EXCELLENCE (M) SDN BHD - All rights reserved

kepada setiap insan bermula dari waktu ia dilahirkan lagi ('Abdullah Nasih 'Ulwan 1981). Oleh itu agama Islam menyeru ke atas umatnya agar mengimani serta mendalamai ilmu-ilmu yang terdapat di dalam kitab-tab al-Quran dan a-Sunnah.

Menurut Azman Ab Rahman (2014) istilah yang sesuai bagi golongan orang kurang upaya adalah *Dhu al-Ihtiyajat al-Khassah* yang bermaksud seseorang yang memerlukan bantuan secara khusus. Menurut Muhammad Sayuti Sabdan (2016) golongan orang kurang upaya dikenali sebagai golongan istimewa, dan dinyatakan juga golongan orang kuarang upaya ialah orang mempunyai kepelbagaian ketidakupayaan seperti deria dan tingkah laku (Wan Sabri Wan Husin, 2013). Golongan orang kurang upaya adalah golongan yang mempunyai ketidakupayaan dari sudut psikologi, fisiologi, bentuk atau fungsi badan (Hasuria Che Omar, 2009). Menurut Siti Suhaila Samian, Khadijah Md Ali, Johar Bunimin, dan Yahya Buntat (2013) terdapat enam kategori golongan istimewa atau golongan OKU iaitu Buta (masalah penglihatan), Pekak (masalah pendengaran), kesukaran bertutur, ketidakupayaan fizikal, ketidakupayaan pelbagai dan masalah pembelajaran (*Autisme, Sindrom Down, Dyslexia* dan *Attention Deficit Hyperactivity Disorder*), manakala orang yang mempunyai ketidakupayaan pendengaran dikategorikan kepada empat kategori Ringan (mild) iaitu 25-40dB, Sederhana (Moderate) iaitu 41-60dB, Teruk (Severe) iaitu 61-90dB, Sangat Teruk (Profound) iaitu 91dB dan ke atas (Kementerian Pendidikan Malaysia ADHD, 2012).

Golongan ketidakupayaan pendengaran juga termasuk di dalam salah satu kategori golongan istimewa dan ianya merupakan golongan yang mempunyai masalah dari sudut deria pendengaran yang kurang baik dan ada juga yang mengalami masalah yang sangat teruk sehingga mereka tidak dapat mendengar dan memproses maklumat dengan tepat. Namun begitu ketidakupayaan ini tidak menghalang mereka untuk mengenali dan mempelajari ilmu-ilmu berkaitan dengan al-Quran.

Pernyataan Masalah

Dari sudut pandangan Islam juga golongan OKU tidak dipinggirkan dari sudut keadilan, hak-hak dan sifat kemanusiaan ke atas mereka, ini kerana mereka juga berperanan menyumbang dalam hidup bermasyarakat mengikut kemampuan yang ada pada mereka As-Syeikh Abdul Rahman Abdul Khaliq, (2010). Ini juga bertepatan dengan nas yang dituntut ke atas kita bahawa golongan OKU mempunyai hak dalam sifat perikemanusiaan dari sudut perasaan belas kasihan. Kita perlu melayan golongan OKU, sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

"Orang-orang yang lemah dan orang-orang yang sakit, dan juga orang-orang yang tidak mempunyai sesuatu yang akan dibelanjakan, tidaklah menanggung dosa (kerana tidak turut berperang) apabila mereka berlaku ikhlas kepada Allah dan RasulNya. tidak ada jalan sedikitpun bagi menyalahkan orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya; dan Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani"

(Surah at-Taubah 9:91)

Ketidakupayaan murid menggunakan bahasa lisan membawa infak besar dalam pembelajaran, sebagai contoh jika mereka bermasalah dalam menguasai pertuturan maka sukar bagi murid untuk belajar dan menguasai kemahiran berdasarkan kurikulum (Abdullah Yusuf, 2014). Terdapat beberapa masalah kepada murid-murid yang bermasalah pendengaran dalam pembelajaran terutamanya al-Quran, ini kerana dalam tilawah al-Quran murid-murid ini perlu menyebut, melafaz, membaca, menghafaz dan memahami sedangkan inilah adalah masalah

yang paling besar bagi mereka kerana mereka tidak dapat mendengar dan bertutur, sudah tentu mereka tidak dapat meniru sebutan dan bunyi-bunyi kalimah daripada al-Quran, apatah lagi untuk membaca dan melafazkan ayat-ayat suci daripada al-Quran Hamdi (2011). Berdasarkan KSSRPK (2011) kaedah Fakih telah digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran al-Quran khusus bagi pelajar pekak, kaedah ini adalah kaedah berdasarkan nombor dan warna (Nor ‘Aziah Mohd Daud, 2012). Walau bagaimana pun berdasarkan kajian Muhammad Sayuti Sabdan (2014) mendapati bahawa pelajar pekak menghadapi kesukaran dari aspek cara bacaan (isyarat tangan) dan penggunaan urutan nombor. Dapatkan kajian Nor Aziah (2012) mendapati guru pendidikan Islam yang mengajar di sekolah khas tidak ada latihan khusus atau pakar dalam pengajaran al-Quran. Pelaksanaan tilawah al-Quran bagi golongan kurang upaya pendengaran memerlukan pelbagai kaedah dan bentuk komunikasi supaya dapat memberi kefahaman yang lebih jelas dan mudah kepada murid tersebut.

Kajian Abdullah (2014b) terhadap simptom kecacatan komunikasi murid pendidikan khas murid yang bermasalah komunikasi lisan akan mengalami kesukaran dari segi menyatakan apa yang yang ingin mereka sampaikan melalui pertuturan dan kesukaran memahami percakapan orang lain. Antara ciri yang wujud dalam masalah pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar pekak adalah masalah kod tangan tidak lengkap khususnya Kod Tangan Pendidikan Islam. Masalah ketidakcukupan kod tangan ini selari dengan dapatan (Abdullah et.al, 2014a). Masalah ketidakcukupan kod ini merujuk kepada ketiadaan kod dalam Bahasa Melayu, perkara ini berlaku berkaitan dengan istilah-istilah tertentu. Isu pelajar tidak mempunyai asas yang kukuh dalam kemahiran bacaan al-Quran dilihat adalah berpunca dari kelemahan guru di peringkat penekanan pembelajaran di peringkat sekolah rendah lagi Hajarul Bahti (2010).

Keperluan kepada kreativiti pengajaran guru merupakan sebahagian matlamat dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2015, (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Kajian lepas membuktikan bahawa guru Pendidikan Islam mempunyai tahap kefahaman kreativiti dan tahap kerativiti pengajaran yang sederhana termasuklah dari praktikal dalam bilik darjah (Mohd Yusoff Dagang, 2016). Oleh itu guru-guru pendidikan Islam haruslah mengambil pendekatan yang paling baik dan berkesan untuk mengajar al-Quran kepada murid yang kurang upaya pendengaran bermula dari peringkat yang paling bawah sehingga mereka betul-betul boleh menguasai bacaan al-Quran serta dapat dipraktikkan bacaan tersebut di dalam solat serta ibadat-ibadat yang lain. Sekiranya mereka tidak dapat menguasai bacaan al-Quran, nescaya ibadat-ibadat yang berkaitan dengan bacaan al-Quran seperti ibadat solat tidak dapat dilakukan dengan sempurna.

Kajian Kepustakaan

Data daripada Perangkaan Pendidikan Malaysia 2018 menunjukkan bahawa bilangan MBK di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 76,42 orang. Jumlah MBK di peringkat Pra sekolah dan sekolah rendah Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) seramai 35,802 orang. Daripada jumlah tersebut, murid kurang upaya pendengaran di peringkat Pra sekolah dan Sekolah Kebangsaan adalah seramai 405 orang (Perangkaan Pendidikan Malaysia KPM, 2018).

Dalam konteks murid berkeperluan pendidikan khas (ketidakupayaan pendengaran) pula ia dikenali sebagai murid yang mengalami permasalahan akademik, sosial dan emosi yang lebih rumit berbanding dengan murid-murid tipikal yang lain, ini kerana mereka mempunyai masalah dalam perkembangan diri yang menyebabkan perkembangan intelektual mereka berkembang lambat berbanding dengan murid-murid normal (Mohd Hanafi Mohd Yasin,

Hasnah Toran & Mohd Safani Bari, 2013). Sebagai guru yang mengajar murid-murid bermasalah pendengaran, mereka harus mengenal pasti tahap kemampuan dan pencapaian mereka dari segi akademik dan sebagainya guru-guru hendaklah memilih pelbagai strategi untuk menyampaikan kemahiran kepada murid-murid OKU pendengaran berdasarkan tahap dan kemampuan akal mereka.

Tahap kefahaman murid kurang upaya pendengaran untuk memahami arahan adalah agak sukar, oleh itu para pendidik perlu kebih banyak mewujudkan interaksi dengan anak-anak pekak ini dan mencari pelbagai inisiatif dan pendekatan untuk memberi kefahaman yang jelas dalam menyampaikan sesuatu perkara apakah lagi dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran yang memerlukan sebutan yang betul dan fasih. Oleh itu para pendidik perlu mengambil pelbagai Langkah dengan mengemukakan contoh yang maujud (boleh dilihat dan disentuh) untuk memudahkan mereka cepat faham Mohd. Huzairi, Hajarul Bahti dan Syar Mezee (2019). Sikap jati diri juga perlu dipupuk dalam diri mereka antaranya ialah memupuk sikap jati diri kapada mereka, mendekatkan mereka dengan masyarakat, mengajar mereka supaya berdikari dan mengetahui tugas dan tanggungjawab (Al-'Umari Nadiah, Musy'al Fahd Abu, 2013). Mohd Hanafi Mohd Yasin (2013) dalam kajiannya mendapati perkembangan sosial murid bermasalah pendengaran agak kurang berbanding dengan murid-murid tipikal yang lain, termasuklah dalam hubungan persahabatan sesama mereka juga berjalan secara perlahan kerana mereka lebih sukar untuk mendapat rakan dan kurang berkawan semasa berada di dalam kelas. Masalah ini lebih teruk apabila murid berada dalam komuniti yang mana interaksi murid bermasalah dengan komuniti tipikal.

Para guru yang ditugaskan untuk mengajar murid-murid berkeperluan pendidikan khas ketidakupayaan pendengaran hendaklah sentiasa memberi arahan dan contoh-contoh yang jelas dan mudah difahami. Anak-anak yang kurang upaya pendengaran mereka lebih bersifat *visual*, maka guru perlu menunjukkan gambar yang jelas bagi menerangkan sesuatu perkara semasa pengajaran diikuti dengan penjelasan menggunakan bahasa isyarat Mohd. Huzairi, Hajarul Bahti dan Syar Mezee (2019). Penggunaan gambar atau bahan dan contoh yang jelas dan tersusun ini lebih memudahkan kanak-kanak kurang upaya pendengaran untuk memahami maksud yang tersurat dan tersirat semasa sesi pembelajaran berlangsung.

Metodologi

Reka bentuk kajian ini, menggunakan pendekatan kajian kualitatif yang melibatkan dua kaedah pengumpulan data iaitu pemerhatian dan temu bual peserta kajian. Oleh kerana kajian lebih dari sebuah sekolah, maka lebih tepat lagi kajian ini disebut sebagai kajian pelbagai tempat lapangan. Peserta kajian adalah terdiri daripada dua orang guru pendidikan Islam yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah yang melaksanakan program pendidikan khas integrasi (ketidakupayaan pendengaran).

Cresswell (1994), dalam kajian kualitatif menyatakan penyelidik adalah instrumen utama yang bertindak untuk memungut data secara pemerhatian, temu bual dan analisis data dan seterusnya menganalisis data. Oleh itu dalam kajian ini pengkaji merupakan instrumen yang secara langsung bertindak sebagai pemerhati, penemu bual dan menganalisis dokumen. Data yang diperolehi disusun atur menggunakan perisian Alas.ti Versi 8.4.

Bagi menentukan kesahihan data, pengkaji menggunakan kesahan dan kebolehpercayaan data kajian. Pengkaji juga memilih teknik triangulasi dalam kajian kualitatif ini kerana kajian ini berbentuk kaedah integrasi yang berbeza untuk mendapatkan lebih daripada satu bentuk data.

Ini adalah untuk menjadikan dapatan kajian kualitatif yang bersifat subjektif lebih meyakinkan dan meningkatkan kesahan data yang dikumpul. Tingulasi bermaksud menggunakan dua atau lebih kaedah pemungutan data dalam sesuatu kajian terhadap aspek perlakuan manusia (Cohen & Manion 1986) atau mengemukakan lebih daripada satu sumber maklumat untuk menetapkan satu-satu fakta sperti yang dinyatakan oleh Bogdan & Biklen (2003). Data-data yang diperolehi dibentangkan dalam bentuk naratif menggunakan petikan verbatim, jadual dan rajah supaya ianya mudah difahami oleh semua pembaca.

Objektif Kajian

Secara khusus kajian ini ialah untuk:

1. Mengenal pasti medium komunikasi yang digunakan oleh guru pendidikan Islam semasa dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan al-Quran berlangsung

Soalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memberi jawapan kepada persoalan berikut:

1. Apakah medium yang digunakan oleh guru pendidikan Islam ketika berkomunikasi dengan murid-murid kurang upaya pendengaran semasa proses pengajaran dan pemudahcaraan berlangsung?

Dapatan Kajian

Dapatan kajian ini merupakan data kajian bagi menjawab persoalan kajian. Kajian secara kualitatif ini cuba untuk mengenal pasti medium komunikasi yang digunakan semasa sesi pengajaran dan pemudahcaraan tilawah al-Quran berlangsung kepada murid-murid Program Pendidikan Khas Integrasi (ketidakupayaan pendengaran) Sekolah Rendah. Dapatan kajian ini akan dibentangkan dalam bentuk naratif dengan memaparkan beberapa bentuk jadual dan rajah seperti yang disarankan oleh Creswell (1998), tujuannya adalah untuk memudahkan pembentangan hasil dapatan ini. Dapatan kajian yang dikemukakan meliputi aspek medium komunikasi guru dan medium komunikasi murid yang digunakan dalam pengajaran dan pemudahcaraan tilawah al-Quran. Pelbagai bentuk komunikasi telah digunakan oleh peserta kajian untuk memberi kefahaman kepada murid-murid berekeperluan pendidikan khas pendengaran program pendidikan khas integrasi yang kurang upaya sekolah rendah dalam PdPc tilawah al-Quran. Begitu juga dengan komunikasi yang digunakan oleh murid semasa berinteraksi dengan guru. Dapatan kajian ini menunjukkan kepelbagai bentuk komunikasi telah digunakan adalah untuk menunjukkan kedua-dua belah pihak menunjukkan kesungguhan dan keperihatinan guru dan murid untuk mengajar dan belajar al-Quran.

Komunikasi Guru

Komunikasi amat penting dalam PdPc, interaksi antara guru dan murid memerlukan komunikasi yang baik dan berkesan. Manakala data yang dibentang menunjukkan bagaimana komunikasi yang berlaku semasa proses pelaksanaan PdPc tilawah al-Quran. Dalam kajian ini, pengkaji membahagikan komunikasi kepada dua bahagian iaitu komunikasi guru dan komunikasi murid.

Bahagian ini menghuraikan dapatan yang diperolehi pengkaji berkait dengan komunikasi yang digunakan oleh peserta kajian sepanjang kajian ini dijalankan. Dalam kajian ini pengkaji dapat merumuskan bentuk-bentuk komunikasi yang digunakan oleh guru semasa proses pengajaran berlangsung. Antara bentuk komunikasi yang digunakan oleh kedua-dua peserta kajian ialah

bahasa isyarat BMKT, lisan, ejaan jari, gerak badan, bahasa isyarat dan menulis di papan putih seperti ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 Rumusan Bentuk Komunikasi Guru

Komunikasi Guru	Peserta Kajian	
	P01	P02
Bahasa isyarat BMKT	X	X
Bahasa isyarat	X	X
Lisan	X	X
Ejaan jari		X
Gerak badan		X
Tulis di papan putih	X	X

Jadual 1 di atas jelas menunjukkan beberapa bentuk komunikasi guru yang dapat dirumuskan oleh pengkaji dalam kajian ini. Kedua-dua peserta kajian menggunakan semua bentuk komunikasi seperti yang dinyatakan dalam jadual tersebut. Berdasarkan bentuk-bentuk komunikasi yang dinyatakan dalam jadual di atas, terdapat dua perbezaan di antara kedua-dua peserta kajian iaitu peserta P01 tidak menggunakan bentuk komunikasi ejaan jari dan gerak badan. Manakala kedua-dua peserta kajian menggunakan bentuk-bentuk komunikasi yang lain seperti Bahasa isyarat BMKT, Bahasa isyarat dan tulis di papan putih. Kebanyakan bentuk yang digunakan oleh kedua-dua peserta hampir sama dalam PdPc tilawah al-Quran.

Dapatkan kajian ini diperolehi berdasarkan hasil pemerhatian dan temu bual pengkaji sepanjang tempoh kajian dijalankan di lokasi kajian. Pengkaji mendapati Peserta P01 dan P02 menggunakan bahasa isyarat Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) yang menggunakan buku panduan Komunikasi Seluruh Bahasa Malaysia Kod Tangan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. (PGP01): 71, 73, 75, 225, 226; TBP01: 51, 52; (PGP02: 71, 75, 227)

Contoh 1 : Data pemerhatian penggunaan bahasa isyarat BMKT.

Guru menerangkan kepada kelas bahawa pada hari ini kita akan belajar surah al-Fatihah (Guru menggunakan lisan dan BMKT)

(PGP01: 71)

Contoh 2 : Data temu bual penggunaan bahasa isyarat BMKT.

Pengkaji : Bagaimana anda berkomunikasi dengan murid ketika mengajar al-Quran?

Guru : Saya guna isyarat BMKT dan kalau murid tak faham saya guna isyarat BIM, serta diikuti juga dengan isyarat yang murid boleh faham.

(TBP02: 51)

Antara medium komunikasi utama dalam PdPc murid kurang pendengaran ialah lisan serta bahasa isyarat, selain daripada medium komunikasi tersebut peserta-peserta kajian juga menggunakan medium komunikasi yang lain dan dianggap penting bagi memberi kefahaman kepada murid.

Dapatkan kajian menunjukkan peserta P01 dan P02 berkomunikasi dengan menggunakan bahasa isyarat tanpa mengetahui apakah bentuk isyarat yang digunakan samada isyarat tersebut BMKT atau BIM atau termasuk dalam isyarat lain-lain (PGP01: 226, 227, 234; PGP02: 226, 234)

Guru dan murid berkomunikasi dengan menggunakan bahasa isyarat dan lisan, akan tetapi bahasa isyarat yang digunakan oleh peserta kajian adalah isyarat tersendiri, tetapi difahami oleh murid-muridnya. (PGP02: 226)

Berdasarkan hasil temu bual dengan peserta kajian, sesungguhnya beliau sendiri mengakui bahawa isyarat yang digunakan adalah berdasarkan pengalaman beliau sepanjang beliau bergaul dan mengajar murid-murid tersebut. Beliau sendiri tidak dapat mempastikan isyarat apakah yang beliau gunakan. (TBP01: 51)

Dapatkan menunjukkan kedua-dua peserta kajian menggunakan lisan (bercakap keluar suara) semasa pengajaran dan pemudahcaraan berlangsung. Peserta P01 dan P02 mengeluarkan suara yang jelas dan menyebut dengan sebutan yang nyata seperti mengajar murid-murid yang normal. Data kajian yang diperolehi menunjukkan (PGP01: 75, 228, 230, 231; PGP02: 75, 229, 231; TBP01: 53)

Contoh 3 : Data pemerhatian penggunaan lisan dalam pengajaran.

Guru memberitahu murid dengan isyarat dan lisan: Hari ini kita akan belajar surah al-Fatihah. Siapa tahu baca surah al-Fatihah?

(PGP02: 231)

Contoh 4 : Data temu bual penggunaan lisan dalam pengajaran.

Pengkaji : Kaedah apakah yang anda biasa gunakan untuk berkomunikasi dengan murid semasa mengajar al-Quran?

Guru : Biasanya saya akan gunakan bahasa isyarat dan lisan.

(TBP01: 53)

Metod ejaan merupakan salah satu bentuk yang digunakan oleh peserta kajian P02. Peserta kajian berkomunikasi dengan menggunakan metod ejaan jari (*finger spelling*). Biasanya ejaan jari ini digunakan apabila murid tidak memahami apa yang ingin disampaikan oleh guru dan guru pula tidak mengetahui isyarat kod tangan bagi perkataan tersebut. Contoh mengeja al-Quran, tilawah, as-Syarh dan sebagainya.

Contoh 5 : Data pemerhatian berkomunikasi dengan menggunakan ejaan jari.

Guru : Berdiri baca surah as-Syarh (ejaan jari)

(PGP02: 79)

Peserta P02 menggunakan gerak badan sebagai salah satu usaha untuk memberi kefahaman kepada murid semasa pengajaran berlangsung. Contoh 117 menunjukkan guru menggunakan

gerak anggota badan dengan membuka mulut ketika menyebut bunyi “A” (PGP02: 81, 215, 233, 234)

Contoh 6 : Data pemerhatian guru menggunakan gerak badan.

Guru menampal potongan ayat surah as-Syarh di papan putih. Kemudian guru soal: Surah as-Syarh ada berapa ayat?.... (Guru menunjukkan jari dan mengira satu hingga tujuh)... Kemudian guru tunjuk nombor tujuh yang terdapat dalam carta ayat.

(PGP02: 81)

Peserta P01 dan P02 masing-masing menggunakan bentuk komunikasi tulisan untuk memberi kefahaman kepada murid. Medium komunikasi secara penulisan digunakan kerana peserta kajian masing-masing kurang cekap menggunakan bahasa isyarat atau menukar kod bahasa isyarat untuk pengajaran dan pemudahcaraan tilawah al-Quran kepada murid-murid bermasalah pendengaran. Kedua-dua peserta masing-masing mengakui bahawa mereka kurang cekap menggunakan bahasa isyarat dan untuk menuarkannya kepada sebutan dan membaca kalimah-kalimah ayat daripada al-Quran serta mentrasnliterasikannya ke dalam Bahasa Melayu. Melalui pemerhatian (PGP01: 83, 234, 235, 26,237 257; PGP02: 83, 234, 236, 237)

Contoh 7 : Data pemerhatian guru menggunakan tulisan di papan putih.

Guru menggunakan papan putih untuk menulis perkataan yang sukar untuk difahami oleh murid contohnya perkataan بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ


(PGP01: 83)

Contoh 8 : Data pemerhatian guru menggunakan tulisan di papan putih.

Guru menulis perkataan yang murid tidak faham jika menggunakan bahasa isyarat dan lisan contohnya kalimah الْشَّرْح

(PGP01: 83)

Dapatkan kajian mendapati kedua-dua peserta kajian menggunakan pelbagai medium komunikasi dalam melaksanakan PdPc kepada murid-murid yang kurang upaya pendengaran. Berikut adalah medium komunikasi yang digunakan oleh guru semasa melaksanakan PdPc al-Quran ialah BIM, BMKT, lisan, ejaan jari, gerak badan dan papan putih. Bentuk-bentuk komunikasi guru dapat dirumuskan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Rumusan Bentuk Komunikasi Guru

Komunikasi Murid

Bahagian ini menjelaskan dapatan yang diperolehi melalui pemerhatian oleh pengkaji berkaitan dengan medium komunikasi yang digunakan oleh murid bersama dengan guru sepanjang kajian ini dijalankan. Dalam kajian ini juga pengkaji dapat merumuskan bentuk-bentuk komunikasi yang digunakan oleh murid semasa proses pembelajaran tilawah al-Quran berlangsung. Berdasarkan semua pemerhatian pengkaji di sepanjang kajian yang dijalankan, pengkaji mendapati medium utama yang digunakan oleh murid untuk berkomunikasi dengan guru semasa pembelajaran tilawah al-Quran ialah murid menggunakan Bahasa Isyarat BMKT, Bahasa Isyarat Malaysia (BIM), lisan, ejaaan jari dan gerak badan. Rumusan bentuk-bentuk komunikasi murid dirumuskan dalam Jadual 1.4.

Jadual 2 Rumusan Bentuk Komunikasi Murid

Komunikasi Murid	Peserta Kajian	
	P01	P02
Bahasa Isyarat Malaysia (BIM)	X	X
Bahasa isyarat BMKT	X	X
Lisan	X	X
Ejaaan jari	X	
Gerak badan	X	

Melalui pemerhatian pengkaji mendapati antara medium komunikasi yang digunakan oleh murid untuk berinteraksi dengan guru semasa PdPc tilawah al-Quran berlangsung ialah Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) dan bahasa isyarat BMKT. Data pemerhatian menunjukkan murid-murid menggunakan bahasa BIM dan BMKT (PGP01 & PGP02: 202, 203 239)

Contoh 1 : Data pemerhatian komunikasi murid menggunakan BIM dan BMKT.

Murid menyebut huruf lam menggunakan bahasa isyarat BIM dan BMKT.

(PGP01: 239)

Contoh 2 : Data pemerhatian komunikasi murid menggunakan BIM dan BMKT.

Murid menyebut kalimah الشرح menggunakan bahasa isyarat BIM dan BMKT.

(PGP02: 239)

Data kajian menunjukkan kebanyakannya murid kerap menggunakan lisan ketika berkomunikasi dengan guru mereka, terutamanya apabila murid ingin menjawab soalan daripada guru contohnya ketika menyebut huruf atau bunyi baris. Contoh 120 menunjukkan murid menggunakan lisan ketika menjawab soalan daripada guru (PGP01: 205, 248, 250, 251; PGP02: 205, 248, 251)

Contoh 3 : Data pemerhatian komunikasi murid menggunakan lisan.

Murid menyebut huruf BA (ب) dengan lisan pada kad huruf hijaiyah yang terdapat pada kad huru

(PGP01: 239)

Contoh 4 : Data pemerhatian komunikasi murid menggunakan lisan.

Murid membaca surah al-Fatihah (ayat 1-4) dengan lisan

(PGP02: 239)

Dapatkan kajian melalui pemerhatian pengkaji juga mendapati murid menggunakan ejaan jari ketika berkomunikasi dengan guru. Data pemerhatian peserta P01 dan P02 menggunakan medium komunikasi ejaan jari dalam pembelajaran (PGP01: 206, 215, 254; PGP02: 206, 255, 256, 257)

Contoh 5 : Data pemerhatian komunikasi murid menggunakan ejaan jari.

Murid menjawab soalan guru dengan ejaan jari (ف) ma

(PGP01: 206)

Contoh 6 : Data pemerhatian komunikasi murid menggunakan ejaan jari.

Guru minta murid sebut (اللهم شرح) alam nasyrah (murid gunakan ejaan jari)

(PGP01: 257)

Sepanjang kajian dilakukan, terdapat juga keadaan murid yang menggunakan komunikasi gerak badan. Antara gerak badan yang biasa digunakan oleh murid ialah angkat tangan dan gerak-gerakkan, menganggukkan kepala, menundukkan kepala, menggelengkan kepala dan angkat ibu jari (PGP01: 207, 213, 214, 215, 216, 217)

Contoh 8 : Data pemerhatian komunikasi murid menggunakan gerak badan.

Guru tanya Amin, boleh baca atau tidak ayat 1 surah al-Fatihah?

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ۖ

Amin angguk kepala sebagai tanda boleh baca

(PGP01: 213)

Contoh 9 : Data pemerhatian komunikasi murid menggunakan gerak badan.


Guru minta Humairah bacakan ayat 1 surah as-Syarh

أَلَمْ تَشْرَحْ لَكَ صَدْرُكَ ۖ

Humairah gelengkan kepala sebagai tanda tidak boleh baca

(PGP01: 214)

Semua bentuk komunikasi antara murid dan guru pula sepanjang pembelajaran al-Quran ialah BIM, BMKT, lisan, ejaan jari dan gerak badan. Bentuk-bentuk komunikasi murid dirumuskan dalam Rajah 2.



Rajah 2 Rumusan Bentuk Komunikasi Murid

Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian dilakukan untuk menghuraikan hasil yang diperoleh daripada kajian yang telah dilakukan mengenai medium komunikasi guru pendidikan Islam dalam pengajaran dan pemudahcaraan tilawah al-Quran program pendidikan khas integrasi (ketidaupayaan pendengaran). Perbincangan ini untuk mengenal pasti medium komunikasi yang digunakan oleh guru pendidikan Islam semasa dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan al-Quran berlangsung serta medium komunikasi yang digunakan oleh murid untuk berkomunikasi dengan guru mereka semasa proses pembelajaran berlangsung di dalam kelas dan komunikasi murid dengan guru dalam sesi pembelajaran di dalam kelas semasa PdPc tilawah al-Quran berlangsung.

Dapatkan kajian mendapati guru pendidikan Islam menggunakan pelbagai bentuk medium komunikasi dalam melakasankan aktiviti pengajaran dan pemudahcaraan tilawah al-Quran terhadap murid-murid kurang upaya pendengaran program pendidikan khas integrasi sekolah rendah. Antara bentuk komunikasi yang digunakan adalah seperti BIM, KTBM,lisan, ejaan jari, gerak badan dan tulis di papan putih. Dapatkan kajian ini hanya tertumpu kepada medium komunikasi yang digunakan oleh guru semasa PdPc tilawah al-Quran berlangsung bersama murid-murid kurang upaya pendengaran program pendidikan khas integrasi sekolah rendah.

Secara keseluruhannya berdasarkan pemerhatian dan temu bual yang dijalankan antara kekerapan medium komunikasi yang digunakan oleh guru dalam PdPc tilawah al-Quran adalah lisan dan bahasa isyarat. Walau bagaimana pun bahasa isyarat lebih dominan bagi pelajar pekak berbanding bertuturan namun begitu penggunaan komunikasi lisan dipilih oleh sesetengah murid program pendidikan khas integrasi untuk berkomunikasi (Mustafa, Nik Hassan, Abdullah, & Abdul Hakim, 2015). Dapatkan kajian juga menunjukkan bahasa isyarat Bahasa Malaysia Kod Tangan (BMKT) digunakan oleh guru pendidikan Islam adalah dengan merujuk buku panduan Komunikasi Seluruh Bahasa Malaysia Kod Tangan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Komunikasi semasa pengajaran dan pembelajaran menggunakan Kod Tangan Bahasa Melayu dibuktikan dengan kajian (Nik Hassan, 2015).

Dapatkan kajian menunjukkan seorang guru menggunakan medium kemunikasi gerak badan dan ejaan jari dalam PdPc tilawah al-Quran. Manakala seorang lagi guru tidak menggunakan komunikasi tersebut. Komunikasi ini ejaan jari (*finger spelling*) digunakan oleh guru apabila murid tidak memahami apa yang ingin disampaikan oleh guru dan guru tidak mengetahui kod tangan bagi perkataan tersebut contohnya mengeja perkataan “al-Quran, tilawah, as-Syarh” dan sebagainya serta perkataan yang jarang digunakan. Dapatkan kajian Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub@Zulkifli Yusuf, & Nazean Jomhari (2018) menggunakan ejaan jari bagi mengisyaratkan huruf-huruf *hijaiyyah*, huruf-huruf al-Quran menggunakan isyarat ‘aa’ jari-jari telah di *pattern* kan. Oleh yang demikian komunikasi ejaan jari juga dijadikan salah satu bentuk komunikasi dalam PdPc tilawah al-Quran terhadap MBPK (ketidakupayaan pendengaran). Manakala data yang diperolehi melalui pemerhatian guru, komunikasi gerak badan digunakan sebagai salah satu usaha untuk memberi kefahaman kepada murid dalam PdPc tilawah al-Quran berlangsung contohnya guru menggunakan gerak anggota badan dengan membuka mulut ketika menyebut bunyi “A”.

Selain daripada medium komunikasi tersebut peserta-peserta kajian juga banyak menggunakan medium komunikasi yang lain dan dianggap penting bagi memberi kefahaman kepada murid contohnya ketika menjawab soalan yang dikemukakan oleh murid, guru akan menerangkan dengan cara medium komunikasi secara menulis di papan putih untuk menerangkan jawapan tersebut terutamanya berkaitan dengan huruf-huruf *hijaiyyah* dan kalimah-kalimah ayat serta kalimah-kalimah daripada al-Quran. Dapatkan ini selaras dengan kajian Hamdi (2011) menyatakan bahawa guru banyak menggunakan kaedah menulis di papan tulis untuk memberi penerangan kepada murid-murid bermasalah pendengaran. Seterusnya kajian Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub@Zulkifli Yusuf, & Nazean Jomhari et.al, (2018) menyatakan untuk mengaplikasi kaedah membaca al-Quran dengan tiga cara iaitu menulis huruf ‘Arab, rumi dan maksud ayat al-Quran secara berulang-ulang, menulis huruf ‘Arab ke rumi bermaksud mentransliterasi huruf-huruf ‘Arab kepada rumi seperti huruf ﴿ kepada tulisan rumi iaitu “Ba”. Oleh yang demikian untuk berkomunikasi dengan golongan pekak atau kurang upaya pendengaran perlu menggunakan kaedah menulis untuk meningkatkan kefahaman murid.

Seterusnya daptan kajian melalui pemerhatian, pengkaji mendapati medium komunikasi murid semasa sesi pembelajaran tilawah al-Quran berlangsung ialah BIM, BMKT, lisan, ejaan jari dan gerak badan. Semua bentuk komunikasi yang dinyatakan digunakan oleh murid untuk berkomunikasi dengan guru yang mewakili peserta P01. Manakala tiga bentuk komunikasi yang digunakan oleh murid untuk berkomunikasi dengan guru yang mewakili peserta P02 iaitu BIM, BMKT dan lisan.

Dapatan kajian ini menunjukkan murid-murid yang kurang upaya pendengaran lebih kerap menggunakan tiga bentuk komunikasi dalam pembelajaran tilawah al-Quran didalam kelas iaitu BIM, BMKT dan lisan. Melalui pemerhatian yang dijalankan, bentuk komunikasi BIM dan BMKT paling banyak digunakan terutamanya untuk menyebut kalimah-kalimah ayat.

Dapatan kajian mendapati murid banyak menggunakan bentuk komunikasi secara lisan ketika menyebut huruf hijaiyyah dan menyebut serta membaca surah-surah pendek dan ayat-ayat lazim seperti surah al-Fatihah. Tidak dinafikan terdapat sebahagian murid yang mempunyai sisa pendengaran dan sisa suara namun sisa-sisa suara tersebut tidak jelas dan terlalu sedikit berbanding dengan murid tipikal (norma) yang lain.

Manakala daptan kajian berkaitan bentuk komunikasi ejaan jari hanya digunakan oleh murid apabila mereka ingin menjawab pertanyaan guru seperti menyebut (ڻ) ‘ma’ mereka akan gunakan ejaan jari untuk menyatakan bunyi tersebut, selain itu mereka juga menyebut kalimah-kalimah dan ayat-ayat al-Quran dengan menggunakan ejaan jari. Dapatan ini selari dengan kajian Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub@Zulkifli Yusuf, & Nazean Jomhari *et.al.* (2018) menyatakan murid membunyikan suku kata melalui ejaan jari iaitu murid akan membatangkan jari. Bentuk komunikasi ejaan jari yang digunakan oleh murid ini sama dengan kaedah telah yang telah diperkenalkan dalam kaedah Fakih. Kaedah Fakih asasnya adalah bermula dengan ejaan jari dan membatangkan jari. Kaedah Fakih termasuk dalam kurikulum Pendidikan Islam pendidikan khas masalah pendengaran (Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas, 2011). Walau bagaimanapun, kaedah ini mempunyai kekurangan dari sudut cara bacaan yang mengelirukan bagi mereka yang pekak (Muhammad Sayuti Sabdan, 2014)

Bentuk komunikasi gerak badan juga digunakan oleh murid, antara bentuk gerak badan ialah seperti gerak anggota badan, angguk kepala, menundukkan kepala, menggeleng kepala serta angkat ibu jari. Kenyataan ini disokong oleh Hamdi (2011) yang menyatakan bahawa murid bermasalah pendengaran menggunakan bentuk komunikasi gerak badan untuk berinteraksi dengan guru mereka semasa sesi pembelajaran berlangsung.

Secara umumnya kelemahan murid kurang upaya pendengaran ini untuk menguasai komunikasi dan bahasa,

Kesimpulan

Kesimpulannya, daptan utama kajian menunjukkan bahawa guru menggunakan pelbagai bentuk medium komunikasi untuk berinteraksi dengan murid dalam PdPc tilawah al-Quran kepada murid-murid berkeperluan pendidikan khas Program Pendidikan Khas Integrasi (ketidakupayaan pendengaran) di sekolah rendah. Begitu juga murid, mereka menggunakan pelbagai bentuk komunikasi semasa berinteraksi dengan guru dalam ppembelajaran tilawah al-Quran. Mereka masing-masing menggunakan bentuk komunikasi yang hampir sama dengan komunikasi guru dengan murid, cuma perbezaannya murid tidak menggunakan bentuk

komunikasi tulisan di papan putih kerana golongan yang kurang pendengaran agak lemah untuk menulis. Kepelbagai bentuk komunikasi yang digunakan ini menunjukkan keperihatinan guru terhadap keperluan pembelajaran murid dalam PdPc al-Quran. Namun begitu kajian juga mendapati guru masih kurang cekap untuk menggunakan bahasa isyarat sewaktu mengajar tilawah al-Quran keadaan ini disebabkan guru-guru kurang pendedahan serta latihan yang seragam untuk diguna pakai bagi pengajaran tilawah al-Quran terhadap MBK khususnya ketidakupayaan pendengaran. Dapatkan ini disokong dengan Mustafa Che Omar, Nik Hassan Seman, Abdullah Yusoff, & Abdul Hakim Abdullah et.al (2015) menyatakan kursus-kursus peningkatan kemahiran dalam bidang pendidikan khas masalah pendengaran kurang diberi pendedahan menyebabkan guru-guru yang mengajar tilawah al-Quran kekurang input peningkatan teknik pengajaran dalam bidang mereka. Kajian yang berkaitan dengan golongan pekak perlu diperbanyakkan perkara ini disokong dengan kenyataan bahawa kajian ke atas OKU pendengaran ini perlu diperbanyakkan dan dipertingkatkan lagi kerana masih kurang kajian terhadap golongan pekak di Malaysia (Zainudin Ibrahim, 2014). Perlu ada kod isyarat yang seragam dalam PdPc al-Quran terhadap murid kurang upaya pendengaran supaya tidak berlaku kekeliruan, kenyataan ini selari dengan kenyataan Muhammad Sayuti Sabdan (2016) perlu ada penyelaras dan penyeragaman yang bersesuaian. Namun begitu, perlu ada medium komunikasi yang seragam supaya penggunaannya lebih sistematik dan berkesan serta sesuai diguna pakai oleh semua golongan OKU pendengaran di seluruh negara.

References

- Al-Quran al-Karim
- Abdullah Yusoff. (2014a). *Memahami Komunikasi Orang Pekak*. Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Yusoff. (2014b). Masalah Pembelajaran: *Tanda dan simpton Kecacatan Komunikasi lisan Murid Pendidikan Khas*. Dlm Jurnal Bahasa 14.2, hlm 301-324.
- Abdul Aziz Mohd Zin, Mohamad Kamil Ab Majid, Anisah Ab Ghani, Mohd Fauzi Hamat, Nor Raudah Hj Siren & Juawaiyah Hassan. (2009). *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya OKU*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- ‘Abdullah Nasih ‘Ulwan, (1981). *Tarbiyatul ‘l-Aulad fi ‘l-Islam*. Kairo: Daru ‘s-Salam Li ‘th-Thiba’ah wa ‘n-Nasyr wa ‘t-Tauzi’.
- As-Syeikh Abdul Rahman Abdul Khaliq, (2010). *Fatawa Islam Online-Kaifiyat al-Taharah wa Solat Lil Mua’aqiin*. Lajnah Tahqiq Al-Turath di Kuwait.
- Azman Ab Rahman, Norakhyairee Mohd Raus, Hussein ‘Azeemi Abdullah Thaidi, & Mohammad Naqib Hamdan (2014), *Fiqh Jenayah Orang Kelainan Upaya*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Bogdan, R.C. & Biklen, S.K. (2003). *Qualitative research for education. An introduction to theories and methods*, 4th ed. United State of America: Group Inc.
- Cohen, L. & Manion, L. (1986). *Research methods in education*. London: Croom Helm.
- Creswell, J. W. (1994). *Research Design, Qualitative & Quantitative Approaches*. Thousand Oaks. CA: Sage.
- Creswell, J. W. (1998). *Qualitative inquiry and Research design, choosing among five traditions*. California: SAGE Publications.
- Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzaifi Awang @ Husain, Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib, Nabiroh Kassim. Isu dan Cabaran Guru dalam Pendidikan al-Quran Pelajar Bermasalah Penglihatan. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI, Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010*

- Hamdi Ishak, (2011). *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran)*. Satu Kajian Kes. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Hasuria Che Omar, (2009). *Perterjemahan dan Bahasa Isyarat*. Kuala Lumpur: Institut Terjemah Negara Malaysia Berhad.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). ADHD.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Laporan Awal. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Hanafi Mohd yasin, Safani Bari, & Nur Ain Mat Hassan. (2013). Pencapaian Bahasa Melayu Murid-Murid Bermasalah Yang Berkomunikasi Menggunakan Pertuturan KIU. *Conference Paper September 2013*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Huzairi Awang, Hajarul Bahti Zakaria, & Syar Mezee Mohd Rashid, (2019). Kaedah Pengajaran Fardu Ain Kepada Murid Berkeperluan Khas: *Kertas Kerja dibentangkan di Seminar Pendidikan Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) kepada Golongan Orang Kurang Upaya (OKU) Tahun 2019 Anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 9 April 2019*. JAKIM
- Mohd Yusoff Dagang. (2016). *Amalan Kreativiti Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah-Sekolah Negeri Johor*. PhD Thesis, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Muhammad Sayuti Sabdan. (2014). *Penilaian Penggunaan Kaedah Fakih Berasaskan Teknologi dan Gaya Pembelajaran Bagi Murid Pekak*. Disertasi, Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof, Nazean Jomhari, & Nor ‘Aziah Mohd Daud (2016). Pedagogi al-Quran Bagi Golongan Pekak: Suatu Kajian Literatur. *Persidangan Kebangsaan Kurikulum Masa Depan 31 Mei 2016*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mustafa Che Omar, Nik Hassan Seman, Abdullah Yusoff, & Abdul Hakim Abdullah (2015). Kesukaran Mengajar dan Belajar al-Quran dalam Kalangan Pelajar Pekak: Isu dan Cabaran Guru Pendidikan Islam. *Proceedings International Seminar in Contemporary Society 10-11 October 2015*. Faculty of Islamic Contemporary Studies, UniSZA.
- Nor ‘Aziah Mohd Daud. (2012). *Kaedah Mudah Pelajari al-Quran bagi OKU: Fakih al-Quran hadiah buat golongan istimewa*. Kuala Lupur. Centre of Quranic Research.
- Nik Hassan Seman, Mustafa Che Omar, Abdullah Yusoff. Analisis Permasalahan Pelajar Pekak dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam. *Intenational Conference Islamic Education*. Kolej Universiti Islam Selangor. 8-9 Jun 2015.
- Siti Suhaila Samian, Khadijah Md Ali, Johar Bunimin, dan Yahya Buntat (2013). *Faktor yang Mempengaruhi Halatuju Pelajar Orang Kurang Upaya Pendengaran Di Politeknik*. Persidangan (Penyelidikan dan Inovasi) dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional. Kuala Terengganu. 02-03 September 2013. 362-371.
- Wan Sabri Wan Husin, Mohd Zaini Abas, Nor ‘Aziah Mohd Daud, Norakyairee Mohd Raus, Nazean Jomhari, & Afifah Salleh, (2013). *Modul Pembangunan Institusi Pendidikan Quran Bagi Anak Istremewa*. Pembentangan di The 3rd Annual International Qur’anic Conference, Centre of Quranic Research (CQR), (13-13 Mac 2013), di Universiti Malaya Kuala Lumpur.